

Ekonomi: Langkah fiskal akan diumumkan

UM 15 SEP 2001

KUALA LUMPUR 14 Sept. — Kerajaan akan mengumumkan langkah-langkah fiskal dalam menghadapi kelemahan ekonomi yang lebih buruk ekoran kejadian serangan di Amerika Syarikat (AS) Selasa lalu.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, langkah-langkah tersebut akan dibincangkan dalam mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN), esok.

“Kita akan melakukannya. Kita sedang memikirkan langkah-langkah tersebut, esok kita akan bermesyuarat... MTEN akan bermesyuarat,” katanya.

Beliau yang juga Pengerusi MTEN berkata demikian kepada pemberita selepas menandatangani buku ucapan takziah di Kedutaan AS di sini hari ini.

Ketibaan beliau yang diiringi oleh Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar di kedutaan itu disambut oleh Kuasa Usaha AS, Robert Reis.

MTEN yang ditubuhkan oleh kerajaan pada tahun 1997 berperanan menerajui usaha-usaha bagi mengadakan dasar-dasar yang bersesuaian bagi memulihkan ekonomi negara.

Langkah fiskal adalah satu kaedah memulihkan keadaan ekonomi negara dengan cara meningkatkan perhelanjaan sektor awam serta melonggarkan dasar kewangan dengan memudahkan pinjaman dan mengurangkan kadar faedah.

Semalam, Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) turut terjejas kerana kehimbangan pelabur terhadap perkembangan ekonomi global pada masa akan

datang ekoran kejadian serangan ke atas Pusat Dagangan Dunia (WTC) di New York dan Pentagon di Washington.

Berikutan serangan itu, bursa saham dunia merudum kerana kebimbangan para pelabur yang menyebabkan dolar merosot.

Meramalkan

Bank Pembangunan Asia semalam turut meramalkan pemulihan ekonomi ASEAN dijangka tertangguh selama beberapa suku tahun lagi berbanding unjuran awal pada suku tahun pertama 2002.

Mengulas lanjut, Dr. Mahathir yang juga Menteri Kewangan menjelaskan, serangan ke atas AS itu pasti akan memberi kesan buruk terhadap ekonomi global.

Ini kerana, tegas beliau, AS akan mengalihkan perhatian terhadap soal keselamatan dan kurang memberi tumpuan kepada soal perdagangan.

“Kita pasti kejadian itu akan mengalihkan tumpuan AS daripada soal perdagangan kepada aspek keselamatan,” jelasnya.

Perubahan sikap AS itu, kata beliau, akan memberi kesan kepada ekonomi negara ini yang mempunyai jumlah dagangan yang besar dengan AS.

“Ia akan memberi impak kerana ekonomi Malaysia yang bergantung kuat kepada AS,” jelasnya.

Ketika ini, eksport barangan dan produk Malaysia ke AS menyumbang sebanyak 19 hingga 20 peratus setahun daripada jumlah keseluruhan.